

KENYATAAN SEBUTHARGA

MAJLIS SUKAN PAHANG

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kepala / Sub Kepala **120101**(Senjata Api) dan **030501** (Peralatan sukan) serta **Lesen Berjual Beli Dan/Atau Membaiki Senjata Dan Peluru dari Polis Di Raja Malaysia** (pembelian senjata api) di bawah tajuk:-

No. Kod Sebutarga	Perkara	Kuantiti / spesifikasi
SUKPHG-11.400-5/3/69/1	Membekalkan Sebanyak Enam (6) Laras Senjata Api dan Peralatan Berkaitan Sukan Menembak Kepada Majlis Sukan Pahang	Seperti Lampiran

2. Maklumat lanjut dan Dokumen Sebutarga boleh didapati di Unit Kewangan Majlis Sukan Pahang, Kompleks SUKPA, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan dengan mengemukakan salinan sijil (fotostat) dan menunjukkan **Sijil Asal Akuan Pendaftaran Pembekal** yang dikeluarkan oleh agensi berkaitan.

3. Harga senaskah Dokumen Tawaran adalah **RM 50.00** (tidak dikembalikan). Bayaran hendaklah menggunakan **WANG POS (POSTAL ORDER)** atau **KIRIMAN WANG (MONEY ORDER)** berpaling atas nama **PENGARAH MAJLIS SUKAN PAHANG**.

4. Borang Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri bersama salinan Sijil Akuan Pendaftaran Pembekal ke dalam Peti Sebutarga di Majlis Sukan Pahang, Kompleks SUKPA, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan. Di sudut kiri sampul surat hendaklah ditulis No. Kod Sebutarga ini.

5. **Tarikh tutup tawaran ialah pada jam 12.00 tengahari, 22 Februari 2019.**

6. Majlis tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran daripada pembekal dan sebarang keputusan Jawatankuasa Sebutarga Majlis Sukan Pahang adalah muktamad.